

TEKS UCAPAN

YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH

KETUA PENGARAH

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

SEMPENA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PADA

27 SEPTEMBER 2016

(SELASA)

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

**YANG BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)**

**YBHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)**

**YBERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN**

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN

**TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN
ASSALAMUALAIKUM WBT.**

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan, Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi bulan September 2016 ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PROJEK BANGUNAN BARU LLM

1. LLM telah memulakan satu projek bangunan baru yang meliputi merekabentuk, membina dan menyiapkan sebuah bangunan pejabat enam (6) tingkat termasuk kerja - kerja berkaitan di Ibu Pejabat Lembaga Lebuhraya Malaysia, Wisma Lebuhraya, Kajang, Selangor Darul Ehsan.
2. Projek ini telah ditawarkan kepada kontraktor utama iaitu MEC JATI CONSORTIUM SDN. BHD dan telah bermula pada 28 Disember 2015 dan dijangka siap pada 27 Disember 2016. Untuk makluman hadirin sekalian, kemajuan kerja sehingga 31 Ogos 2016 adalah 63.82%.
3. Sepertimana hadirin sekalian sedia maklum, projek ini adalah di dalam kategori bangunan tinggi dan pekerja – pekerja adalah terdedah dengan

bahaya sepanjang bekerja di tempat tinggi ini. Merujuk kepada Akta Kilang & Jentera 1967 : Peraturan-peraturan (Keselamatan, kesihatan dan kebajikan) mewajibkan setiap kerja-kerja pada ketinggian 10 kaki (3m) perlu menggunakan peralatan keselamatan yang sesuai seperti *safety harness*. Justeru, pihak kontraktor perlu menyediakan SOP berkaitan dengan aktiviti kerja ditempat tinggi supaya kesemua pekerja dapat bekerja dalam keadaan yang selamat.

4. Disamping itu juga, latihan perlu diberikan kepada pekerja tentang bagaimana untuk menggunakan pakaian keselamatan dan penyenggaraan PPE. Adalah menjadi kewajipan majikan untuk memastikan perancah yang digunakan di tapak perlu dipasang dan diselia oleh orang-orang yang kompetan sahaja.

5. Kesemua ini adalah selaras dengan peraturan khas di bawah Akta Kilang & Jentera 1967 yang menjelaskan tentang peraturan keselamatan bagi aktiviti pembinaan iaitu BOWEC (Kendalian bangunan dan kerja-kerja binaan kejuruteraan). Selain itu juga, pihak kontraktor perlu memastikan lain-lain aspek keselamatan bagi aktiviti kerja ditempat tinggi dipatuhi sepenuhnya seperti :

- Memasang jaring keselamatan

- Penggunaan tangga yang betul dan selamat
- Menyediakan papan tanda peringatan keselamatan di tempat-tempat yang berbahaya di tapak bina.

PEMBUKAAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT ECO MAJESTIC, LEBUHRAYA LEKAS

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Pembinaan dan pembukaan rangkaian-rangkaian lebuh raya di negara ini merupakan satu keperluan dan elemen penting untuk menggerakkan nadi pembangunan ekonomi dan infrastruktur negara. Pembinaan jajaran lebuh raya yang kemas, efisien yang digerakkan secara bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta menerusi dasar Penswastaan, telah memberikan kesan ampuh dan jelas dalam membantu Kerajaan memodenkan lagi infrastruktur negara terutamanya melalui pembinaan lebuh raya. Tidak boleh dinafikan, pembangunan lebuh raya memberi kesan berganda terhadap pembangunan sosio-ekonomi, perindustrian, perbandaran dan hartanah.

7. Dengan adanya persimpangan bertingkat yang bakal dibuka ini, ia akan dapat memudahkan aksesibiliti untuk orang ramai dari satu kawasan ke satu kawasan yang berhampiran. Disamping itu, pembinaan

persimpangan bertingkat ini dapat menjimatkan masa perjalanan bagi penduduk di kawasan sekitar Kampung Rinching Tengah, Kampung Sungai Rinching, Taman Pelangi Semenyih 2 dan Kawasan Perindustrian Beranang dan secara tidak langsung ianya dapat menjimatkan kos bahan bakar kenderaan. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan iaitu “Ke Arah Kesejahteraan Rakyat”.

8. Dengan kos pembinaan kira-kira RM50 juta, Persimpangan Bertingkat Eco Majestic, Lebuhraya LEKAS ini dilengkapi dengan plaza tol berkapasiti 12 lorong iaitu 6 lorong keluar dan 6 lorong masuk. Selain itu, plaza tol di persimpangan bertingkat ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti surau, tandas awam, kawasan meletak kenderaan.

9. Plaza Tol di persimpangan bertingkat Eco Majestic akan beroperasi secara sistem tol tertutup. Plaza tol telah dipasang sistem kutipan tol secara Kelas Pelbagai (Multi class), khusus TnGo, mod campuran iaitu TNG & RFID (Radio Frequency Identification) dan khusus RFID untuk kedua-dua arah. Sistem Kutipan Tol menggunakan RFID ini menjadikan Lebuhraya LEKAS merupakan Lebuhraya yang pertama memasang sistem RFID ini (peralatan di lorong). Walaubagaimanapun, sistem RFID ini belum siap sepenuhnya dan tidak akan digunakan secara rasmi pada pembukaan persimpangan ini.

INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

10. Perkhidmatan awam sentiasa berdepan dengan realiti semasa yang mana teras perkhidmatan awam adalah untuk menyampaikan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah (value added) kepada rakyat. Kerajaan kini terus komited membentuk perkhidmatan awam 3 yang berprestasi tinggi dan berinovasi kerana rakyat semakin peka, berpendidikan tinggi dan mempunyai espektasi yang tinggi terhadap sistem perkhidmatan awam. Sistem tadbir urus sektor awam yang baik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan utama dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan.

11. Perkhidmatan awam yang cekap, telus dan berintegriti adalah dituntut oleh rakyat dalam melaksanakan amanah yang diberikan dengan adil dan berhemah. Malah nilai Integriti telah diangkat sebagai salah satu daripada empat nilai asas pentadbiran kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri dalam usaha mentransformasikan negara kearah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Penjawat awam hari ini berdepan dengan pelbagai cabaran kesan daripada perubahan persekitaran kerja yang semakin kompleks. Perkhidmatan yang disediakan kerajaan

sering dipandang negatif oleh masyarakat kerana mereka beranggapan kelemahan ini disebabkan oleh penjawat awam itu sendiri.

12. Sehubungan itu, pihak Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memantapkan integriti bagi memastikan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih telus, cemerlang dan berdaya saing tinggi.

13. Integriti dalam perkhidmatan awam bukan hanya memfokuskan mengenai isu-isu rasuah, pematuhan berkaitan sistem dan prosedur kerja, tatacara kewangan dan isu-isu tatatertib malahan ia juga meliputi 5 segala aspek budaya kerja seperti menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan menjalankan hubungan yang baik antara ketua jabatan, rakan sekerja dan juga kakitangan sokongan. Budaya kerja yang berintegriti ini harus dipraktikkan dalam diri setiap warga Kementerian dalam pembentukan sebuah organisasi yang cemerlang dan berkualiti.

14. Integriti ini bukan sahaja menjadi amalan dan pakaian kita secara peribadi, sebaliknya mesti diamalkan oleh setiap individu di dalam

organisasi. Hal ini penting kerana apabila kita mempunyai kesedaran, kepercayaan serta menjadikan integriti sebagai amalan seharian, maka akan wujudlah satu persekitaran kondusif untuk pembudayaan nilai integriti dalam sesebuah organisasi. Jika ini berlaku, impaknya signifikan terutama dalam keberkesanan dan kecekapan dalam sistem penyampaian dan seterusnya akan meningkatkan produktiviti organisasi.

PENUTUP

Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui perhimpunan pada pagi ini. Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.